
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 315 - Karya Terpilih Kesusasteraan Afrika Modern

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat bertaip sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Gunakan Buku Jawapan yang disediakan, dan tuliskan angka giliran anda yang betul di atas borang kehadiran & ruang yang disediakan.

Anda perlu menjawab EMPAT (4) soalan kesemuanya.

Pilih dan jawab sekurang-kurangnya SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B; dan soalan keempat boleh dipilih daripada mana-mana Bahagian.

Anda dibenarkan membawa pulang kertas soalan ini di akhir tempoh Peperiksaan.

JAWAB EMPAT (4) SOALAN KESEMUANYA.

Pilih dan jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B; soalan keempat boleh dipilih daripada mana-mana Bahagian.

Bahagian A

1. Berikan catatan atau **nota ringkas** bagi setiap perkara yang di bawah ini:

- (a) Konsep *White Man's Burden* yang dipegang oleh penjajah
- (b) Corak Pendidikan dan Kemunculan Sastera Moden di Afrika
- (c) Sastera di *Onitsha Market, Nigeria*
- (d) Gerakan *Harlem Renaissance*
- (e) Manifesto *Negritude* yang disusun oleh Etienne Lero

(25 markah)

2. Para penyair golongan *Francophone* (generasi pertama) amat “patuh kepada falsafah dan wadah perjuangan *Negritude*” sehingga wujud semacam ‘*stereotype*’ dalam gaya pengucapan puisi mereka. Bincangkan pendapat ini dengan memberi contoh-contoh yang sewajarnya.

(25 markah)

3. Dalam puisi yang dilahirkan oleh penyair golongan *Anglophone* (generasi pertama) terdapat gaya pengucapan dan pemikiran yang mempunyai kaitan dengan faktor-faktor ‘sumber ilham’ dan ‘pendidikan formal penyair’. Bincangkan pendapat ini dengan memberi contoh-contoh yang sewajarnya.

(25 markah)

Bahagian B

4. Wole Soyinka, yang telah memenangi *Nobel Prize* untuk Kesasteraan, lebih terkenal sebagai seorang *Dramatist*; beliau melahirkan karya-karya yang bertujuan merubah pemikiran khalayak pembacanya. Bincangkan pendapat ini dengan memberi contoh-contoh yang sewajarnya.

(25 markah)

5. Bincangkan aspek-aspek atau unsur-unsur perlambangan dan teknik dalam novel *The Beautiful (sic) Ones Are Not Yet Born* [terjemahannya berjudul *Yang Indah Belum Menjelma Lagi*] oleh Ayi Kwei Armah yang mewajarkan karya tersebut ditanggapi sebagai sebuah 'satira politik'.

(25 markah)

6. Novel *Things Fall Apart* [terjemahannya berjudul *Okonkwo*] oleh Chinua Achebe boleh dianggap "gagal" dari segi nilai-nilai budaya orang Ibo atau Igbo, tetapi "berjaya" dari segi penggunaan unsur-unsur pewarnaan setempat (*local colour elements*). Bincangkan.

(25 markah)

-
7. Novel *A Grain of Wheat* [terjemahannya berjudul *Sebutir Gandum*] oleh Ngugi Wa Thiong'o boleh dianggap "berjaya" dari segi teknik-teknik tertentu mahu pun dari segi perwatakan. Bincangkan.

(25 markah)